



Kefahaman Guru Dalam Pelaksanaan Pengajaran Sains Rumah Tangga (PKK) Di Sekolah Menengah Harian di Negeri Selangor, Malaysia

Anis Zakaria & Norhasliza Md Piah

Department of Science and Technical Education, Faculty of Educational Studies, Universiti Putra Malaysia, Malaysia.

*anis@upm.edu.my

Abstrak. Sains Rumah Tangga adalah mata pelajaran elektif ikhtisas (MPEI) dengan kurikulum baharu yang diubah daripada Ekonomi Rumah Tangga sebagai saluran untuk melahirkan pelajar berdaya saing yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam peringkat global. Kajian tinjauan ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kefahaman guru dalam pelaksanaan pengajaran Sains Rumah Tangga di sekolah menengah harian di Selangor. Populasi kajian adalah terdiri daripada semua guru yang mengajar mata pelajaran Sains Rumah Tangga di Selangor. Sampel kajian adalah seramai 59 orang guru yang dipilih berdasarkan kaedah persampelan berstrata. Alat kajian yang digunakan adalah soal selidik dan data dianalisis menggunakan perisian IBM SPSS versi 22.0. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa guru mempunyai tahap kefahaman yang tinggi dalam pelaksanaan pengajaran Sains Rumah Tangga. Pemberian kursus dan modul berkaitan kurikulum baru dapat meningkatkan kefahaman guru dengan membekalkan kemahiran dan pengetahuan berkaitan setiap topik dalam sukatan pelajaran.

1. Pengenalan

Sistem pendidikan Malaysia seringkali mengalami perubahan demi perubahan bagi memenuhi keperluan dan kehendak semasa mengikut kesesuaian dengan perkembangan masa dan zaman. Perubahan-perubahan yang berlaku dalam bidang pendidikan tidak dapat dielakkan mengikut kepada pembangunan negara yang semakin pesat. Pertumbuhan negara yang pesat ini dapat dilihat daripada kejayaan yang dicapai oleh Malaysia dari segi politik, ekonomi dan sosial. Menurut Normah (2013), memiliki rakyat yang berpengetahuan, bekerjaya, berkemahiran dan berdaya saing merupakan salah satu penyumbang utama dalam kejayaan sesebuah negara. Dasar kerajaan serta sistem pendidikan negara yang terkini banyak memberikan penekanan terhadap bidang yang melibatkan kemahiran bagi memajukan sektor ekonomi negara. Terdapat beberapa dokumen dasar utama yang telah dilancarkan bagi memperkasakan pembangunan modal insan, iaitu Rancangan Malaysia Kesebelas 2016–2020, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015–2025, dan Dasar Pendidikan Kebangsaan. Rancangan Malaysia Kesebelas 2016–2020 adalah rancangan pembangunan lima tahun terakhir ke arah merealisasikan matlamat Wawasan 2020. Wawasan 2020 bermatlamat dalam menjadikan Malaysia sebagai negara maju dalam semua aspek, iaitu ekonomi, politik, sosial, kerohanian, psikologi dan budaya apabila menjelang tahun 2020. Melihat kepada pencapaian pembangunan negara yang cemerlang, Wawasan 2020 yang telah sekian lama menjadi aspirasi kejayaan setiap rakyat tidak mustahil untuk direalisasikan. Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas 2016 – 2020 mengandungi enam teras strategik dan enam pemacu perubahan yang akan melaksanakan usaha bagi merealisasikan matlamat Malaysia untuk menjadi negara maju dan inklusif selaras dengan Wawasan 2020. Salah satu daripadanya adalah mengupayakan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) yang diterajui industri bagi menyediakan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi. Sistem pendidikan negara akan membantu setiap pelajar dengan mewujudkan kerjasama dengan industri dalam melakukan latihan amali. Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak melancarkan beberapa inisiatif dalam mengtransformasikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) serta membangunkan pelan induk yang

lebih komprehensif bagi TVET. Salah satu inisiatif yang digariskan adalah memperuntukkan RM50 juta daripada 30 peratus dana yang terkumpul untuk kegunaan TVET bagi melaksanakan program-program strategik dalam usaha menyokong matlamat nasional, iaitu bagi meningkatkan taraf peratusan pekerja mahir di Malaysia. Kerajaan berpendapat bahawa lima lonjakan transformasi TVET amat penting dalam menuju ke arah negara maju yang berpendapatan tinggi. Bermula tahun ini sehingga tahun 2025, Malaysia berusaha melatih dan melahirkan serta meningkatkan bilangan tenaga pengajar yang terlatih dalam bidang TVET. Dengan peningkatan bilangan tenaga pengajar vokasional yang terlatih dan mahir, ia dapat menyumbangkan kepada peningkatan bilangan bagi individu lulusan TVET. Tambahan lagi, penambahan bagi bilangan tenaga pengajar yang pakar dalam bidang TVET juga akan dilaksanakan dengan penambahan seramai 4000 orang dalam pelbagai bidang TVET menjelang tahun 2025. Hal ini membuktikan bahawa individu yang berperanan penting dalam pelaksanaan perubahan atau pelaksanaan sesuatu transformasi dalam pendidikan adalah tenaga pengajar atau guru yang bertanggungjawab untuk melahirkan individu yang berkebolehan. Tenaga pengajar yang terlatih dilihat kepada tahap kefahaman pengajar tersebut terhadap perubahan dalam pendidikan serta mempunyai tahap keyakinan yang baik bagi menghasilkan pembelajaran yang berkesan.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 bermatlamat dalam merealisasikan visi pendidikan yang ingin memperkembangkan lagi potensi individu secara bersepadu dan secara holistik dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Visi tersebut menjadi tunjang kepada semua usaha penambaan dan perubahan dalam sistem pendidikan sejak tergubalnya Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) pada tahun 1988. Usaha ini dilancarkan bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 ada menekankan kepada menghayati pembelajaran sepanjang hayat serta menghasilkan graduan TVET yang berkualiti. Hal ini adalah bagi memastikan graduan TVET selaras dengan keperluan industri di luar. Dalam usaha kerajaan untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan, sistem pendidikan menengah sedia ada menyediakan peluang kepada pelajar untuk memilih laluan pada pelbagai peringkat persekolahan menengah. Terdapat enam laluan yang ditawarkan, iaitu bidang akademik, teknikal, vokasional, agama, sukan, dan kesenian. Pelajar boleh memilih mengikut kepada minat dan kebolehan masing-masing. Pendidikan teknik dan vokasional di Malaysia kini tidak lagi diasingkan malah telah dipertingkatkan bagi mencapai Wawasan 2020 dalam melahirkan sebuah negara industri yang pesat membangun. Mata pelajaran teknikal dan vokasional ini bertujuan untuk melahirkan tenaga mahir dan separa mahir. Permintaan untuk sumber tenaga mahir akan terus meningkat pada masa akan datang berikutan dengan kekurangan sumber tenaga kerja mahir dalam industri pembuatan, pertanian dan pembinaan (Kementerian Sumber Manusia, 2008). Pendidikan vokasional adalah bertujuan untuk menyediakan murid kepada kerjaya yang memerlukan kepakaran teknikal yang khusus dan ia berbeza dengan pendidikan teknikal yang menyediakan pelajar untuk melanjutkan pendidikan ke peringkat lebih tinggi.

Pendidikan Teknikal dan Vokasional merupakan satu dasar yang telah digubal dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan (2012). Pendidikan Teknikal dan Vokasional (PTV) merupakan satu dasar bagi menyediakan modal insan yang berkemahiran tinggi, kebolehpasaran dan keboleherjaan agar sentiasa relevan dalam membantu menyokong pembangunan ekonomi negara. Pendidikan Teknikal dan Vokasional juga menyediakan akses dan ekuiti pendidikan kepada semua pelajar bagi memastikan pelajar yang berminat dalam bidang teknikal dan vokasional terus berada dalam sistem persekolahan. Menurut Suhaila, Suhaida & Zaidatol (2013), PTV di Malaysia telah menyediakan latihan kursus bagi melahirkan pelajar yang mempunyai pengetahuan, kemahiran asas dan juga memberi persediaan kepada mereka untuk memasuki alam pekerjaan.

Selain itu, Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV) diwujudkan untuk memenuhi hasrat negara dengan menawarkan beberapa program yang membolehkan pelajar berupaya untuk menjadi separa mahir atau mahir dalam pelbagai bidang sama ada bidang teknikal, vokasional atau kemahiran.

Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, Transformasi Pendidikan Vokasional mempunyai matlamat untuk mewujudkan sistem pendidikan vokasional baru yang dilaksanakan oleh tenaga pengajar yang responsif dan bekerjasama dengan industri bagi menginovasikan proses pengajaran dan pembelajaran yang berupaya menghasilkan tenaga kerja mahir (Faridah Mariani, Widad, Hairul Nizam, & Zainudin, 2014). Selari dengan Asnul Dahar, Nor Fadila Amina, Ruhizan, Ramlee Mustapha (2014) yang menyatakan Transformasi Pendidikan Vokasional bermatlamat melahirkan tenaga kerja mahir dan usahawan yang berdaya saing, memiliki kelayakan dan kemahiran yang diiktiraf, berwatak profesional dan diterima oleh pasaran kerja. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan program Pendidikan Asas Vokasional (PAV) dan pendidikan Vokasional Menengah Atas (PVMA) iaitu naiktaraf Mata Pelajaran Vokasional (MPV) pada tahun 2016.

Mata pelajaran Sains Rumah Tangga merupakan salah satu saluran untuk melahirkan pelajar yang berdaya saing yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam peringkat global. Sains Rumah Tangga adalah kurikulum baharu yang diubah daripada Ekonomi Rumah Tangga yang merupakan satu mata pelajaran elektif ikhtisas (MPEI) dalam kelompok Sains, Teknologi, *Engineering* dan Matematik (STEM) bagi Tingkatan Empat dan Lima. Kurikulum baru yang digubal oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berlandaskan pembangunan kurikulum MPEI ini adalah sebagai satu inisiatif dalam menyediakan modal insan yang holistik dan seimbang, berakhlak mulia, kritis, kreatif, inovatif serta mempunyai kemahiran insaniah yang profesional bagi menghadapi cabaran abad ke-21. Sains Rumah Tangga merangkumi empat komponen utama, iaitu Pengurusan Sumber Keluarga dan Tempat Kediaman, Pakaian dan Jahitan, Makanan dan Pemakanan serta Penyediaan dan Penyajian Makanan. Terdapat beberapa objektif Sains Rumah Tangga yang berkaitan dengan kemahiran dan kerjaya. Antaranya adalah memperoleh dan mengaplikasikan pengetahuan serta kemahiran berkaitan Sains Rumah Tangga untuk meningkatkan kesejahteraan hidup diri, keluarga dan masyarakat dan ia juga untuk meningkatkan kesedaran keperluan pembelajaran sepanjang hayat bagi perkembangan kerjaya (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Bagi melahirkan modal insan yang holistik, kefahaman dan keyakinan para pengajar atau pelaksana untuk perubahan pendidikan ini perlu dikenalpasti supaya objektif yang ingin dicapai melalui matapelajaran Sains Rumah Tangga dapat direalisasikan.

2. Sorotan Literatur

Kefahaman guru bukan sahaja dilihat kepada kefahaman terhadap isi kandungan semata-mata, malah ia juga dilihat berkaitan kefahaman terhadap kaedah pengajaran dan juga penilaian yang akan dilakukan semasa proses pengajaran dilakukan. Menurut Magdeline Anak Nor & Zamri Mahamod (2014), kefahaman guru terhadap topik atau tajuk yang akan diajar di sekolah berada dalam kedudukan paling penting. Hal ini kita dapat lihat bahawa kefahaman guru terhadap sukatan pelajaran atau kandungan mata pelajaran tersebut merupakan salah satu kefahaman yang amat penting bagi seorang guru. Kenyataan itu disokong oleh Hlas & Hilderbrandf (2010) yang menyatakan bahawa setiap guru harus mengetahui perkara yang akan diajar kepada pelajar sebelum ia melihat kepada cara atau kaedah dan sasaran bagi topik tersebut. Sebagai seorang guru, ia mesti dapat memahami apa yang sebenarnya yang terdapat dalam kurikulum serta dapat membayangkan apa kaedah yang dapat digunapakai dalam kelas mereka (Hall, Dirksen & George, 2006). Menurut Grossman & Schoenfeld (2005), guru seharusnya mempunyai pengetahuan kandungan yang mendalam dan menyeluruh bagi bidang mata pelajaran yang dijangkakan ia dapat mengajar.

Kefahaman guru terhadap pelaksanaan kurikulum baru amat dititikberatkan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan oleh negara mengikut perancangan. Dalam kajian Siti Syahirah (2011) yang menjalankan kajian berkaitan kesediaan terhadap pelaksanaan kolej vokasional dalam aspek kemahiran yang dimiliki oleh para guru. Seramai 100 orang guru dipilih dari empat buah Sekolah Menengah Vokasional (SMV) di negeri Kelantan, Pulau Pinang, Melaka dan Johor yang terlibat dalam kajian ini. Hasil kajian ini mendapati bahawa timbul kegusaran dan kerisauan dalam diri guru-guru vokasional kerana mereka kurang faham dengan pelaksanaan kurikulum Kolej Vokasional dan tidak yakin dengan kemahiran yang sedia ada. Hal ini berkemungkinan kerana guru-guru di sekolah vokasional tersebut

mempunyai latar belakang akademik yang berbeza, dimana sesetengah daripada mereka datang daripada sekolah harian biasa.

Kajian tersebut disokong oleh kajian Nor Aidah, Rohana dan Amirmudin (2013) yang menunjukkan bahawa sesetengah guru PTV masih tidak jelas dengan matlamat serta cita-cita yang dinyatakan dalam sistem pendidikan Malaysia. Guru-guru yang kini berada di alam perguruan hanyalah sekadar mengisi kekosongan jawatan tanpa mempunyai pengetahuan dan kefahaman mengenai kursus yang diajar dan sasaran yang akan diajar. Dalam pelaksanaan kurikulum baru bagi Sains Rumah Tangga, guru yang mempunyai kurang pengetahuan dan kefahaman terhadap sukatan pelajaran sudah semestinya tidak dapat meningkatkan keberkesanan dalam proses pengajaran. Kenyataan ini bertepatan dengan kenyataan Mohammad Zohir (2009), iaitu guru yang kurang pengetahuan berkaitan Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) akan membataskan pengajaran guru sehingga ia mengakibatkan pengajaran kurang berkesan terhadap pelajar.

Magdeline Anak Nor & Zamri Mahamod (2014) membuat kajian berkenaan pengetahuan pedagogi kandungan (PPK) guru bahasa Iban baharu dan berpengalaman. Sampel yang digunakan dalam kajian ini adalah seramai empat orang guru bahasa Iban dan menggunakan kaedah kualitatif. Terdapat lima peringkat yang terlibat dalam proses tindakan guru bagi PPK, iaitu peringkat kefahaman, transformasi, tindakan pengajaran, penilaian dan kefahaman baharu. Hasil kajian ini yang berkaitan dengan kefahaman guru mendapati bahawa guru yang berpengalaman mudah mengaitkan topik yang diajar dengan contoh dalam dan luar disiplin ilmu kerana mereka mempunyai kefahaman yang baik terhadap sukatan pelajaran yang diajar. Ini bermakna guru yang berpengalaman mempunyai pengetahuan yang tinggi serta kefahaman yang baik dalam topik tersebut.

Sehubungan dengan itu, Abd Wahid & Ruslaili (2010) dalam kajiannya untuk mengenalpasti kefahaman guru terhadap kriteria penilaian projek kertas kursus KHB-ERT di peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR). Seramai 35 orang guru di 14 buah sekolah menengah yang menawarkan mata pelajaran KHB-ERT di peringkat PMR di daerah Kota Tinggi telah terlibat dalam kajian ini sebagai sampel kajian. Hasil kajian beliau mendapati bahawa peratus tertinggi daripada dapatan menunjukkan guru tidak memahami isi kandungan Dokumen Pentaksiran Kerja Kursus dengan baik. Hal ini menunjukkan bahawa kefahaman guru terhadap kriteria yang dinilai agak rendah serta ia menyukarkan para guru untuk membuat penilaian terhadap pelajar.

3. Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap kefahaman guru terhadap sukatan pelajaran Sains Rumah Tangga di sekolah menengah harian di Selangor.

4. Metodologi

Reka bentuk kajian merupakan teknik dan kaedah tertentu bagi mendapatkan maklumat yang dikehendaki untuk menyelesaikan masalah (Mohd Majid Konting, 2005). Kajian ini merupakan satu penyelidikan yang melibatkan kaedah kuantitatif yang dijalankan dalam bentuk tinjauan di mana menggunakan set soal selidik. Instrumen yang digunakan berbentuk soal selidik bagi menjawab persoalan kajian. Kajian ini menggunakan kaedah persampelan berstrata yang melibatkan guru-guru yang mengajar Sains Rumah Tangga di sekolah menengah harian di Selangor. Soal selidik ini telah dijawab oleh responden yang ditentukan secara kaedah persampelan berstrata, iaitu guru-guru yang mengajar Sains Rumah Tangga di sekolah menengah harian di Selangor. Skala Likert 5 mata digunakan bagi mengukur tahap kefahaman responden terhadap tajuk dalam sukatan pelajaran Sains Rumah Tangga (1-Sangat Tidak Faham; 2-Tidak Faham; 3-Kurang Faham; 4-Faham; 5-Sangat Faham). Kajian rintis telah dijalankan dan nilai α yang diperoleh ialah 0.828. Nilai Alpha Cronbach yang melebihi 0.80 mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi (Mohd Najib Abdul Ghafar, 1999). Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan menggunakan perisian IBM SPSS versi 22.0.

5. Dapatan Kajian

Demografi responden ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1. Demografi Responden.

Demografi	Bilangan responden	Peratus (%)
Bangsa		
Melayu	55	93.2
Cina	2	3.4
India	2	3.4
Tahap Pendidikan Tertinggi		
Diploma	0	0.0
Ijazah Pertama	58	98.3
Master	1	1.7
PhD	0	0.0

Jadual 2. Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Tempoh Pengalaman Mengajar dan Opsyen Guru

Demografi	Bilangan responden	Peratus (%)
Tempoh Pengalaman Mengajar		
Kurang daripada 5 tahun	16	27.1
6 tahun hingga 15 tahun	20	33.9
Lebih daripada 16 tahun	23	39.0
Opsyen Guru		
SRT	47	79.7
Bukan SRT	12	20.3

5.1.1. Kefahaman Guru

Jadual 3 menunjukkan taburan responden mengikut tahap kefahaman di mana lebih separuh daripada bilangan responden sangat faham (57.6%) dengan sukatan pelajaran Sains Rumah Tangga. Manakala tidak sampai separuh responden faham (42.4%) dengan sukatan pelajaran Sains Rumah Tangga tersebut. Tiga tahap kefahaman yang tidak mempunyai responden, iaitu sangat tidak faham, tidak faham dan kurang faham.

Jadual 3. Taburan Responden Mengikut Tahap Kefahaman Terhadap Sukatan Pelajaran Sains Rumah Tangga.

Tahap kefahaman	N	Peratus (%)
1.00 hingga 1.79	0	0.0
1.80 hingga 2.59	0	0.0
2.60 hingga 3.39	0	0.0
3.40 hingga 4.19	25	42.4
4.20 hingga 5.00	34	57.6

Jadual 4 menunjukkan tahap kefahaman guru terhadap sukatan pelajaran Sains Rumah Tangga di sekolah menengah harian. Dapatan kajian menunjukkan min keseluruhan bagi tahap kefahaman guru ialah (min = 4.33, sp = 0.461). Dapatan ini menunjukkan guru sangat faham berkaitan sukatan pelajaran

Sains Rumah Tangga. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa tajuk Pengurusan Tempat Kediaman (min = 4.54, sp = 0.567) merupakan tajuk yang mempunyai min paling tinggi berbanding tajuk-tajuk yang lain. Seterusnya diikuti oleh tajuk Pemilihan Pakaian (min = 4.53, sp = 0.568) dan Perancangan Menu (min = 4.53, sp = 0.537). Manakala bagi min yang terendah pula adalah Mendraf Pola Rompi atau Blaus (min = 3.87, sp = 0.880), Menghasilkan Rompi atau Blaus (min = 3.88, sp = 0.832) dan Perancangan Perniagaan (min = 4.08, sp = 0.836).

Jadual 4. Analisis Deskriptif Bagi Tahap Kefahaman Guru Terhadap Sukatan Pelajaran Sains Rumah Tangga.

Item	Min	Sisihan piawai
Pengurusan Tempat Kediaman	4.54	0.567
Pemilihan Pakaian	4.53	0.568
Perancangan Menu	4.53	0.537
Diet Seimbang	4.51	0.626
Pengurusan Sumber Kewangan Keluarga	4.49	0.598
Pengurusan Konflik Dalam Keluarga	4.47	0.626
Keperluan Makanan, Nutrien dan Fungsinya	4.42	0.622
Pengurusan Sumber Keluarga	4.41	0.619
Label Makanan	4.39	0.670
Persediaan Bahan Jahitan	4.37	0.717
Peruntukan Diet Harian yang Disarankan dan Indeks Jisim Badan	4.37	0.667
Organisasi Kerja	4.34	0.605
Mengenal Perniagaan dan Keusahawanan	4.32	0.655
Peningkatan Kendiri	4.32	0.655
Semangat Kerja Sepasukan	4.32	0.655
Sistem Pencernaan dan Penyerapan Makanan	4.27	0.665
Prosedur Memulakan Perniagaan	4.20	0.783
Perancangan Perniagaan	4.08	0.836
Menghasilkan Rompi atau Blaus	3.88	0.832
Mendraf Pola Rompi atau Blaus	3.87	0.880

6. Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan keseluruhan responden berpendapatan bahawa mereka sangat faham dengan topik atau tajuk yang terdapat dalam sukatan pelajaran Sains Rumah Tangga dengan catatan keseluruhan min ialah 4.33. Hal ini demikian kerana kebanyakan guru mempunyai pengalaman lebih daripada 6 tahun dan sudah mempunyai pengetahuan dalam sesetengah topik. Meskipun terdapat sedikit perubahan terhadap sukatan pelajaran Sains Rumah Tangga, guru masih boleh menggunakan pengetahuan yang sedia ada dalam topik-topik tersebut. Guru berpendapat bahawa mereka sangat faham dengan sukatan pelajaran Sains Rumah Tangga, terutama sekali tajuk Pengurusan Tempat Kediaman yang mempunyai min tertinggi dan diikuti dengan tajuk Pemilihan Pakaian dan juga Perancangan Menu. Walau bagaimanapun, tahap kefahaman guru agak rendah pada tajuk yang berkaitan jahitan, iaitu Mendraf Pola Rompi atau Blaus (3.87) dan Menghasilkan Rompi atau Blaus (3.88). Tahap min yang rendah ini berlaku kerana penghasilan rompi atau blaus ini merupakan projek jahitan yang telah diubah daripada sukatan pelajaran yang lama. Keadaan ini perlu diambil serius kerana para guru sepatutnya menguasai sepenuhnya pengetahuan dan kemahiran dalam mata pelajaran yang diajar dan seharusnya berusaha untuk menguasainya. Di samping itu, topik-topik berkaitan perniagaan juga dikesan sebagai topik yang tidak dikuasai sepenuhnya oleh para guru Sains Rumah Tangga.

Tahap kefahaman guru perlu ditingkatkan lagi melalui kursus-kursus yang berkaitan dengan Sains Rumah Tangga dan juga sukatan pelajaran. Kursus yang dianjurkan oleh pihak sekolah atau pihak Kementerian Pendidikan Malaysia mampu mempengaruhi tahap kefahaman guru terhadap sukatan pelajaran Sains Rumah Tangga. Pihak kementerian atau sekolah disarankan untuk menganjurkan lebih banyak kursus-kursus yang melibatkan topik-topik dalam Sains Rumah Tangga, terutama topik berkaitan jahitan. Kursus yang dianjurkan haruslah bersesuaian dengan objektif yang ingin dicapai. Hal ini kerana dapatan kajian ini menunjukkan bahawa para guru kurang kefahaman terhadap topik jahitan. Selain daripada memberi kursus-kursus kepada para guru, modul atau buku panduan berkaitan kurikulum baru juga boleh diberikan kepada para guru supaya para guru dapat lebih memahami sukatan pelajaran yang baru serta lebih jelas dengan perubahan dan apa yang ingin dicapai. Dengan adanya penganjuran kursus dan pemberian modul ini, guru lebih memahami dan menjiwai sukatan pelajaran tersebut serta dapat menyampaikan kefahaman dan pengetahuan itu kepada pelajar dengan lebih berkesan. Tambahan lagi, dengan adanya penglibatan guru-guru dari pelbagai daerah, ianya dapat mewujudkan hubungan antara guru dari daerah yang berbeza. Dengan itu, setiap guru dapat berkongsi idea dan pengalaman berkaitan dengan proses pembelajaran dan pengajaran di sekolah.

7. Kesimpulan

Kajian mengenai tahap kefahaman guru telah banyak dijalankan tidak kira di dalam mahupun diluar negara. Namun begitu, kajian yang dijalankan mengenai tahap kefahaman guru terhadap sukatan pelajaran Sains Rumah Tangga masih kurang dijalankan oleh para penyelidik. Kesimpulan yang dapat dinyatakan berdasarkan dapatan kajian ini, iaitu guru sangat faham dengan sukatan pelajaran Sains Rumah Tangga, namun di dalam topik seperti jahitan dan pernigaan masih terdapat guru yang tidak menguasai sepenuhnya pengetahuan dan kemahiran di dalam topik tersebut. Hal ini harus dipandang serius oleh pihak sekolah dan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengambil inisiatif mengatasi keadaan ini bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan optimum. Penganjuran program, kursus dan juga latihan yang berkaitan dengan sukatan baru Sains Rumah Tangga dapat memberi pendedahan yang tinggi kepada guru berkaitan topik-topik yang kurang dikuasai sepenuhnya.

Daftar Rujukan

- Alias Baba. (1992). *Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan Sains Sosial*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asnul Dahar Minghat, Nor Fadila Amin, Ruhizan M. Yasin, Ramlee Mustapha, (2014). Pembinaan Indikator Kelestarian Pendidikan Teknikal dan Vokasional Sekolah Menengah Harian Melalui Kajian Delphi. *Sains Humanika*, 4 (Ivan 2007), 35–42.
- Augusty, Ferdinand. (2006). *Metode Penelitian Manajemen: Pedoman Penelitian Untuk Penulisan Skripsi, Tesis dan Disertasi Ilmu Manajemen*. Semarang: Badan Penerbit Universitas Diponegoro.
- Babbie, E. R. (2007). *The Practice of Social Science Research*. Ed. Ke 9. USA: Thoms Learning.
- Bransford, J., Derry, S., Berliner, D., & Hammerness, K. (with Beckett, K. L.) (2005). Theories of learning and their roles in teaching. In Linda Darling–Hammond and John Bransford (Eds.), *Preparing teachers for a changing world: What teachers should learn and be able to do* (pp. 40–87). San Francisco, CA: Jossey–Bass.
- Brophy, J. E. (2001). Classroom organization and Management. *Elementary School Journal*, 83(4): 265–86.
- Chan Yuen Fook, Gurnam Kaur Sidhu, Fatin Aliana Mohd Radzi Parmjit Singh, Md. Rizal Md. Yunus, (2013). *Keyakinan Guru Sejarah dan Geografi dalam Pelaksanaan Kerja Kursus*. Universiti Teknologi Mara.

- Creswell, J. (2002). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. Upper Saddle River, NJ: Merrill Prentice Hall.
- Faizah Bt Saad, Dr. Eftah Bt Moh @ Abdullah, (2015). *Kajian Status Kefahaman Guru Dalam Pentaksiran Murid Program Linus*, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Faridah Mariani Johari, Widad Othman, Hairul Nizam Ismail, & Zainudin Isa, (2014). *Isu dan Cabaran Pelaksanaan Pendidikan Asas Vokasional (PAV) di Sekolah Menengah Harian , Malaysia. Conference on Professional Development in Education*, 98–106. Retrieved from <http://repository.widyatama.ac.id/xmlui/handle/123456789/3327>.
- Fazilah Idris, Mashitoh Yaacob & Mohamad Taha. (2012). *Teaching and learning methods of ethnic relations course : interactive or destructive ?*, 59, 105–109. <http://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.09.252>.
- Fowler, F.J (2002). *Survey Research Methods*. (3rd edition). Applied Social Research Methods Series. Vol 1. Sage Publications, Inc.
- Gay, L.R. and Diehl, P.L. (1992). *Research Methods for Business and Management*. In Hill, R. (1998). “What Sample Size is ‘Enough’ in Internet Survey Research”? *Interpersonal Computing and Technology: An electronic Journal for the 21st Century*. Available at: <http://www.emoderators.com/ipct-j/1998/n3-4/hill.html>
- Gess-Newsome, J. (1999). *Pedagogical Content knowledge: An introduction and orientation*. Dlm. J. Gess-Newsome, & N.G. Lederman, (Eds.). *Examining pedagogical content knowledge*. Boston: Kluwer Academic Publishers.
- Grossman, P., & Schoenfeld, A. (2005). *Teaching subject matter*. In Linda Darling–Hammond and John Bransford (Eds.), *Preparing teachers for a changing world: What teachers should learn and be able to do* (pp. 201–231). San Francisco, CA: Jossey–Bass.
- Habib Mat Som & Syed Kamaruzaman Syed Ali. (2011). *Komitmen Guru Dalam Pelaksanaan Kurikulum dan Inovasi Berkesan*. *Masalah Pendidikan*, 99–119.
- Hlas, A. & Hildebrandt, S. (2010). *Demonstrations of pedagogical content knowledge: Spanish Liberal Arts and Spanish Education majors’ writing*. *L2 Journal 2* (2010) : p 1-22. <http://escholarship.org> [10 Julai 2010]
- Hord, S. M., Rutherford, W. L., Huling, L., & Hall, G. E. (2006). *Taking Charge of change*. Austin, TX: SEDL
- Lee, M. & Winzenried, A. (2009). *The Use of Instructional Technology in Schools*. Victoria, Australia: Australian Council for Educational Research Ltd.
- Leithwood, K., Steinbach, R. and Jantzi, D. (2002), “School leadership and teachers’ motivation to implement accountability policies”, *Educational Administration Quarterly*, Vol. 38 No. 1, pp. 94-119.
- Lisa M. Vaughn & Raymond C. Baker. (2008). *Do Different Pairings of Teaching Styles and Learning Styles Make a Difference? Preceptor and Resident Perceptions*. Pages 239-247 | Received 11 Oct 2007, Published online: 09 Jul 2008.
- Mohammad Zohir Ahmad. (2009). *Penerapan Pendidikan Alam Sekitar dalam Pengajaran Geografi di Sekolah Menengah: Pengetahuan, Sikap, Efikasi dan Amalan Guru*. Tesis PhD (tidak diterbitkan), Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Magdeline Anak Nor & Zamri Mahamod. (2014). *Penterjemahan Pengetahuan Pedagogi Kandungan dalam Proses Tindakan Guru Bahasa Iban Baharu dan Berpengalaman Bukan Opsyen*, 39(1), 37–49.
- Mizan Kamalina Binti Assin. (2013). *Amalan Penggunaan Modul Pengajaran Berasaskan Modul Multimedia Interaktif (Mmi) Dalam Pendidikan Teknik Dan Vokasional (PTV)*, (Mmi).
- Mohd Majid Konting (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Majid Konting (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Neuman, W.L. 2003. *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. Fifth edition.

- Allyn and Bacon. Boston. Massachusetts.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Nor Haziah Hussin. (2003). *Kajian Tahap Profesionalisme Keguruan Lulusan Sarjana Pendidikan KUiTTHO di Politeknik*. Retrieved from <http://eprints.uthm.edu.my/1519>.
- Normah Zakaria. (2013). *Kompetensi Mengurus Kerjaya Dalam Kalangan Pesara Tentera Berpangkat Rendah*, (June), 1–43. <http://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>.
- Norhasliza Hassan dan Zaleha Ismail. (2008). *Pengetahuan Pedagogi Kandungan Guru Pelatih Matematik Sekolah Menengah*. Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Sains dan Matematik: 11-12 Oktober 2008. Johor Baharu, Johor.
- Nurulhuda Mohd Sukri. (2013). *Tahap Kesiapan Guru Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Berasaskan Kompetensi Di Kolej Vokasional, Universiti Teknologi Malaysia*.
- Shulman, L.S. (1986). Those who understand: Knowledge growth in teaching. *Educational Researcher* 15(2): 4-14.
- Siti Syahirah bt Abdullah Zawawi. (2011). *Transformasi Ptv:Kesiapan Guru-Guru Vokasional Terhadap Pelaksanaan Kolej Vokasional Kpm Dari Aspek Tahap Kemahiran, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*.
- Suhaila Aliman, Suhaida Abdul Kadir & Zaidatul Akmaliah Lope Pihie. (2013), "Entrepreneurial skills in education technical and vocational", Seminar of post-graduate education (GREDUC 2013).
- Wiersma, W. (2000). *Research in Education : An Introduction*. Boston: Allyn and Bacon. Wainer, H, & Braun, H. I. (1988). *Test Validity*. New Jersey : Lawrence Erlbaum Associates Publishers.
- Zohar, A., Degani, A., & Vaakin, E.(2001).Teachers' belief about low achievement students and higher order thinking. *Teaching and Teacher Education*,17,469-486.